

13/04/1997

Pemimpin lemah perlu letak jawatan

Hassan Ahmad

ALOR STAR: Pemimpin pertubuhan belia yang tidak dapat menjalankan tugas bagi meningkatkan kegiatan belia di negeri ini patut meletakkan jawatan untuk membolehkan pemimpin yang berkemampuan mengisi jawatan berkenaan.

Presiden Majlis Belia Negeri Kedah (MBNK), Datuk Zainol Abidin Johari, berkata pemimpin belia yang tidak aktif itu, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Menurutnya, golongan itu terpaksa mengabaikan kegiatan berkaitan dengan belia kerana mempunyai banyak tugas lain.

"Ini bermakna golongan pemimpin seumpama itu hanya mahu jawatan, tetapi tidak dapat bertugas untuk faedah dan pembangunan belia," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin MBNK, di sini semalam.

Zainol Abidin berkata, berikutan keadaan itu, sejumlah 13 pertubuhan daripada 25 pertubuhan belia yang bergabung dengan MBNK tidak aktif, ini termasuk Majlis Belia Daerah Kota Star (MBDKS).

"MBNK menasihatkan pemimpin berkenaan supaya berundur dengan melepaskan jawatan masing-masing secara terhormat," katanya.

MBNK kini sedang mengaturkan pelbagai kegiatan seperti forum khas untuk belia wanita dan kem kepemimpinan belia di Gubir, Sik.

"Golongan belia di negeri ini juga akan diajak bersama membangunkan rakyat dan negara sejajar dengan matlamat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadikan Malaysia negara maju," katanya.

Beliau berkata, bagi menjayakan matlamat itu, belia mesti diasuh supaya tidak lalai dan terhindar daripada pelbagai gejala buruk yang boleh merosakkan masa depan mereka.

Mengenai kerjasama MBNK dengan Pusat Penyelidikan dan Perundingan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi menjalankan kajian gaya hidup remaja di negeri ini, bertujuan membantu mengatasi gejala sosial, Zainol Abidin berkata, kajian itu bermula 1 Mac lalu dan akan berakhir awal September depan.

Menurutnya, kajian oleh 25 pensyarah UUM yang membabitkan aspek sosial, pembelajaran, moral, kegiatan dan persekitaran remaja di bandar dan luar bandar.

Kajian itu juga membandingkan umur, jantina, bangsa, latar belakang keluarga dan status sosio ekonomi keluarga remaja.

(END)